

Gema takbir semarak Aidiladha

Perdana Menteri tunai solat sunat Aidiladha di Masjid Putra

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Putra, di sini, semalam.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang lengkap berbaju Melayu biru muda tiba bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Solat sunat dipimpin Imam Besar Masjid Putra, Salahuddin Ghozali.

Hadir sama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Masjid di seluruh negara dipenuhi umat Islam, termasuk pemimpin serta ketua negeri dan masyarakat setempat, seawal jam 7 pagi, bersama bertakbir memuji kebesaran Tuhan dan menunaikan solat sunat Aidiladha.

Di ibu negara, ribuan umat Islam dalam kalangan warga tempatan mahupun warga asing menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negara, dengan diimamkan oleh Imam Besar, Ehsan Mohd Husni, yang kemudian menyampaikan khutbah bertajuk Nilai Pengorbanan.

Di **Kuala Terengganu**, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bersama-sama anakanda, Tengku Muhammad Ismail dan Tengku Muhammad Muaz menunaikan solat sunat di Masjid Al-Muktafi Billah Shah, di sini.

Di **Ipoh**, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizuddin Shah menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 jemaah di Masjid Sultan Azlan Shah.

Sementara itu di **Alor Setar**, Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir.

Di **Negeri Sembilan**, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibn Almarhum Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud berangkat ke Masjid Diraja Tuanku Munawir,



Anwar bersalaman bersama orang ramai selepas menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Putra, Putrajaya.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Seri Menanti, Kuala Pilah untuk menunaikan solat sunat Aidiladha.

Di Kota Bharu pula, Tengku Mahkota, Dr Tengku Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Muhammadi di sini serta diiringi Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob dan Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun.

Sementara itu di Shah Alam, Raja Muda, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bersama kira-kira 7,000 jemaah dan solat itu dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negeri, Muhammad Farhan Wijaya.

Di Arau, Pemangku Raja Perils, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda,

Tuanku Dr Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berangkat ke Dataran Istiadat bagi menunaikan solat sunat Aidiladha bersama hampir 1,300 umat Islam.

Di **Johor Bahru**, Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Al-Haj Sultan Ibrahim bersama adindanya, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Sultan Ibrahim berangkat ke Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru disertai kira-kira 1,000 jemaah.

Di Melaka pula, Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd Ali Rustam menunaikan solat Aidiladha di Masjid Al-Azim, Bukit Palah dan diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan Mufti Negeri, Datuk Abdul Halim Tawil bersama kira-kira 3,000 jemaah.

Di **Georgetown**, Yang Diper-

tua Negeri, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak menunaikan solat Aidiladha bersama kira-kira 4,000 umat Islam di Masjid Negeri Pulau Pinang dan sembilan ekor lembu turut dikorbankan pada majlis korban untuk diagihkan kepada asnaf dan fakir miskin.

Sementara itu di Sarawak, Premier Tan Sri Abang Johari Openg menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Jamek Negeri Sarawak di Petra Jaya.

Di Sabah, Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Haji Noor, Serusup, Tuaran.

Di Kuantan, Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, menjadi tumpuan umat Islam menunaikan solat Aidiladha di negeri itu yang dipimpin oleh Imam Shaifuddin Ngah, manakala khutbah bertajuk 'Penghayatan Pengorbanan Dalam Menangani Semasa', disampaikan oleh Muhammad 'Izzan Idris Al-Hafiz.